

Banjir di Terengganu, Kelantan semakin pulih

KUALA TERENGGANU 27 Nov. - Banjir di negeri ini semakin pulih apabila hanya 117 mangsa daripada 30 keluarga ditempatkan di sebuah pusat pemindahan di daerah ini.

Berbanding semalam, seramai 283 mangsa daripada 64 keluarga, kebanyakannya di Setiu ditempatkan di lima pusat pemindahan di empat daerah iaitu Hulu Terengganu, Marang, Kuala Terengganu selain Setiu.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu memberitahu semua 117 mangsa itu mendapat perlindungan di Sekolah Kebangsaan (SK) Guntong dekat sini.

Setakat pukul 6.30 petang ini, hanya mangsa banjir di daerah Kuala Terengganu masih ditempatkan di pusat pemindahan manakala mereka yang dipindahkan di tiga daerah iaitu Setiu, Hulu Terengganu dan Marang sudah pulang ke rumah masing-masing," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Sementara itu di KOTA BHARU, keadaan banjir di Kelantan beransur pulih selepas paras air di beberapa batang sungai utama di negeri itu semakin surut, dibantu oleh keadaan cuaca baik sejak semalam.

Selain itu, proses pengagihan



SEORANG penduduk, Nik Hasnah Abdullah membersihkan rumahnya selepas dinaiki air banjir yang semakin surut di Kampung Buluh Hilir, Setiu, semalam.

bantuan kepada mangsa banjir terutama mereka yang tidak berpindah terus berjalan dengan syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan Jabatan Pertahanan Awam Ma-

laysia mengagihkan hampir 100 kampak beras kepada mangsa banjir di beberapa daerah terlibat.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penye-

latat Malaysia (JBPM) Kelantan, Anuarulhakim Muhni memberitahu, paras air di beberapa kawasan terjejas teruk akibat banjir sebelum ini sudah menunjukkan perubahan.